

7/16 (12)
KANGAR, 23 NOV. (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL NEGERI PERLIS TELAH MEMBUAT PERSIAPAN UNTUK MENYAMBUT LAWATAN RASMI TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED KE PERLIS PADA ISNIN INI.

SATU UPACARA SAMBUTAN AKAN DIADAKAN DI SEMPADAN KEDAH/PERLIS DI KODIANG PADA PAGI HARI TERSEBUT DIMANA TIMBALAN PERDANA MENTERI AKAN DIPERKENALKAN KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN BARISAN NASIONAL DAN KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN.

ROMBONGAN ITU KEMUDIAN AKAN DIIRINGI OLEH 200 ORANG PEMUDA BARISAN NASIONAL DENGAN MENUNGGANG MOTOSIKAL KE KEDIAMAN RASMO MENTERI BESAR DI SINI.

MENURUT Pengerusi Jawatankuasa Sambutan, Encik Mahmud Bin Haji Hashim hari ini, Dr. Mahathir akan memberi ucapan ringkas kepada peserta perarakan tersebut.

SELEPAS ITU BELIAU AKAN DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR PERLIS DATUK HAJI JAAFAR HASSAN MENGHADAP RAJA PERLIS DI ISTANA ARAU.

PADA SEBELAH PETANG PULA BELIAU AKAN BERUCAP KEPADA AHLI-AHLI BARISAN NASIONAL DI KOMPLEKS PELBAGAIGUNA DI SINI DAN KEMUDIAN AKAN MERASMIKAN PROJEK KAMPUNG GURU DI SIMPANG TIGA.

-- BERNAMA 1419/ZCM